



PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK
Administrative and Diplomatic Officers' Alumni Association
(ALUMNI PTD)

TAKLIMAT PENYELARASAN PENCEN
OLEH JPA, ANJURAN ALUMNI PTD
19 FEBRUARI 2025

MAKLUMAT RINGKAS

1. Majlis dipengerusikan oleh Presiden Alumni PTD, Tan Sri Abdul Halim Ali. Dalam ucapan aluannya, Tan Sri Penggerusi menyentuh kes Mahkamah Aminah dan 56 rakannya. Kes ini belum selesai lagi dengan adanya rayuan oleh Kerajaan Malaysia.
2. Pasukan dari Bahagian Pencen, JPA, terdiri daripada 10 orang pegawai, diketuai oleh Tn. Hj. Mohd Shahrim bin Hussin, Pengarah Bah. Pencen.
3. Lebih kurang 80 pesara PTD, hampir semuanya yang bersara sebelum 2013, hadir untuk mendengar taklimat mengenai penyelarasan pencen.
4. Taklimat Pengarah Pencen
 - a. Memandangkan Mahkamah telah memutuskan bahawa kenaikan pencen sebanyak 2% setiap tahun tidak sah, Kerajaan terpaksa membuat penyelarasan pencen setiap kali sistem saraan baru diperkenalkan. Skim Saraan Malaysia diganti dengan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) mulai 1.12.2024.
 - b. Selaras dengan kadar kenaikan gaji bagi pegawai yang masih berkhidmat, kadar pencen dinaikkan 7% bagi kumpulan JUSA dan 15% bagi Kumpulan Pelaksana di bawah SSPA.
 - c. Penyelarasan ini dilaksanakan dalam dua fasa. Dalam fasa 1, pencen Kumpulan JUSA dinaikkan sebanyak 4% berbanding 8% bagi Kumpulan Pelaksana pada 1 Disember 2024. Dalam fasa 2, pencen

- akan dinaikkan sebanyak 3% lagi bagi Kumpulan JUSA dan 7% lagi bagi Kumpulan Pelaksana pada 1 Januari 2026.
- d. Apa-apa penyelarasan pencen selepas ini adalah tertakluk kepada keputusan Kerajaan atau keputusan Mahkamah Rayuan berikutan rayuan yang dibuat oleh Kerajaan (JPA) ke atas keputusan Mahkamah Tinggi. Walau apapun, JPA bersedia dengan apa-apa keputusan yang dibuat.

5. Perbincangan

Semasa perbincangan seterusnya, di antara isu-isu yang ditimbulkan adalah seperti berikut:

- a. Penyelarasan pencen yang dibuat pada 1 Disember 2024 berasaskan tambahan kepada gaji akhir semasa bersara "tidak memberi faedah lebih baik" dan ini bercanggah dengan Perkara 147 Perlembagaan.
- b. JPA patut laksanakan kaedah yang pernah dibuat oleh JPA sebelum ini, iaitu, selaras dengan kehendak Akta Penyelarasaran Pencen tahun 1980 yang menetapkan bahawa gaji akhir diterima hendaklah diselaraskan kepada gaji bersamaan di tangga gaji semasa, untuk menentukan pencen baru. (Jawapan JPA: Cadangan ini akan dikaji.)
- c. Ada yang membuat analisis untuk menunjukkan bahawa kenaikan kadar pencen sebanyak 2% setahun lebih berfaedah kepada pesara berbanding penyelarasaran berdasarkan pengenalan sistem saraan baru.
- d. Tuntutan Aminah dan 56 'others' telah melalui beberapa peringkat Mahkamah hingga sampai Mahkamah Persekutuan. Ramai berpendapat Kerajaan tidak sepatutnya merayu keputusan Mahkamah Tinggi (Jawapan JPA: JPA merayu kerana implikasi kewangan besar - RM 1.7 bilion dan masa memproses penyelarasaran pencen 3 bulan seperti keputusan mahkamah tidak mencukupi disebabkan bilangan pesara terlibat ramai - kira-kira 532,000 dan penyelarasaran pencen perlu dibuat secara berasingan bagi setiap

pesara ini. JPA masih berpendapat kenaikan gaji di bawah Pekeliling Perkhidmatan 2016 adalah *salary enhancement* dan bukan *salary revision*.)

- e. JPA sewajarnya tidak menggunakan alasan beban kewangan dan masa yang diperlukan untuk memproses semua penyelarasan. Keputusan yang dibuat harus dilaksanakan dan proses penyelarasan boleh dipermudahkan dengan menggunakan AI dan lain-lain teknologi yang bersesuaian.
- f. Ada yang berpendapat bahawa JPA wajar menarik balik rayuan dan laksanakan penyelarasan berdasarkan keputusan Mahkamah Tinggi terkini. (Jawapan JPA: JPA tidak bercadang menarik balik rayuan.)
- g. Ada yang bercadang bahawa jika beban kewangan besar hasil keputusan Mahkamah nanti, JPA boleh membayar tunggakan secara berperingkat. (Jawapan JPA: JPA akan laksana ikut dasar yang diputuskan Kerajaan.)
- h. Kelewatan menyelaras pencen akan memberi kesan negatif kepada pesara dan juga politik Kerajaan (Jawapan JPA: JPA telah bincang perkara ini dan Kerajaan maklum.)
- i. Ramai khuatir keputusan Mahkamah Rayuan akan mengambil masa (Jawapan JPA: JPA tiada pilihan melainkan menunggu.)

6. Kesimpulan:

Perbincangan tidak memberi "khabar berita baik" kepada pesara. JPA tidak memberikan apa-apa komitmen dan nampaknya semua bergantung kepada keputusan Mahkamah ke atas rayuan Kerajaan (JPA). Masalahnya ialah JPA sendiri kurang pasti bila keputusan akan dibuat.

Walau bagaimanapun, JPA sedia melaksanakan apa juu keputusan Kerajaan/Mahkamah.

Nota:

Mengikut berita terkini, Mahkamah Tinggi dikatakan akan bersidang pada 24 Februari 2025 untuk bicara permohonan oleh pihak Kerajaan untuk tangguh perintah bayar tunggakan penyelarasan pencen sebelum 16 April 2025.

Alumni PTD

23 Februari 2025